


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Pekerja formal terima median upah bulanan RM2,600



RAFIZI (kiri) dan Mohd. Uzir menunjukkan buku laporan Penerbitan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Pertama 2023 di Putrajaya semalam.

Pekerja formal terima median upah bulanan RM2,600

PUTRAJAYA – Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 mendedahkan median atau penengah upah bulanan bagi pekerja formal tempatan pada Mac tahun ini adalah sebanyak RM2,600 sebulan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, upah itu melibatkan seramai 6.45 juta orang. 55.5 peratus adalah pekerja lelaki dengan median upah RM2,664 sebulan.

Beliau berkata, pekerja wanita pula mewakili 44.5 peratus bersamaan 2.87 juta orang dengan median upah bulanan RM2,545.

"Berbanding Mac tahun lalu, median upah bulanan bagi kedua-dua pekerja formal lelaki dan perempuan meningkat masing-masing sebanyak 8 peratus dan 8.6 peratus," katanya ketika membentangkan laporan itu di sini semalam yang dilancarkan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Katanya, median upah tertinggi pada Mac 2023 diraih bagi pekerja formal berusia 45 hingga 49 tahun dan 40 hingga 44 tahun iaitu RM3,500.

Mohd Uzir berkata, kedua-dua kumpulan itu secara

kolektif membentuk sekitar 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja formal di negara ini.

Menurutnya, median upah bulanan bagi kumpulan umur 50 hingga 54 tahun pula menunjukkan penurunan kepada RM3,400 pada Mac 2023.

"Kumpulan umur bawah 20 tahun pula menerima median upah bulanan terendah, RM1,500 (Mac 2023), katanya.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, kerajaan masih perlu melaksanakan program agihan bantuan dan subsidi kepada rakyat walaupun Dasar Gaji Progresif berjaya dilaksanakan kelak.

Katanya, dasar gaji itu dilaksanakan bertujuan membawa perumahan holistik kepada seluruh masyarakat dan ia tidak bermakna orang miskin akan terus dipinggirkan.

"Apabila gaji dinaikkan, tidak bermakna tiada lagi pihak dibantu kerajaan. Masih ada lagi orang di bawah paras kemiskinan perlu dibantu, cuma kita mahu kurangkan golongan itu.

"Selepas itu, barulah kita boleh sasarkan subsidi dan bantuan kerajaan dengan lebih baik dan tepat kepada orang yang memerlukan," katanya.